



92

**Butir-Butir Mesyuarat Yang Kedua  
Bagi Penggal Yang Ketiga Dewan  
Undangan Negeri Pulau Pinang  
Yang Kelima Yang Telah Diadakan  
Pada 7hb. September, 1981.**



**Butir-Butir Mesyuarat Yang Kedua  
Bagi Penggal Yang Ketiga Dewan  
Undangan Negeri Pulau Pinang  
Yang Kelima Yang Telah Diadakan  
Pada 7hb. September, 1981.**

MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG YANG KELIMA YANG DIADAKAN PADA 7HB. SEPTEMBER, 1981  
JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBIH LIGHT, PULAU PINANG

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. DOA

2. Pengumuman oleh Y.B. Datuk Speaker

3. Membentangkan Risalat-Risalat

- |                    |   |                                                                                                                             |
|--------------------|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bil. 12 tahun 1981 | - | Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Awam atas Kira-Kira Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1975 dan Laporan Juru Odi Negara atasnya. |
| Bil. 13 tahun 1981 | - | Penyata-Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir pada 31hb. Disember, 1978.                                 |
| Bil. 14 tahun 1981 | - | Laporan Ketua Odit Negara mengenai Kira-Kira Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir pada 31hb. Disember, 1978.             |
| Bil. 15 Tahun 1981 | - | Kenyataan Kira-Kira Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1977.                           |
| Bil. 16 tahun 1981 | - | Kenyataan Kira-Kira Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1978.                           |
| Bil. 17 tahun 1981 | - | Kenyataan Kira-Kira Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1979.                           |

- (i) apakah tujuan lawatan Ahli-ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai ke Hong Kong dan Manila baru-baru ini; dan
- (ii) samada apa-apa wang telah dibayar atau didahulukan kepada Ahli-ahli Majlis Perbandaran oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi lawatan tersebut dan jika ya, berapa banyaknya wang yang dibayar atau di-dahulukan?
3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan kepada Dewan ini:
- (i) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan untuk pembinaan projek Komtar setakat ini dan sumber-sumber ini diperolehi;
- (ii) sekiranya sumber-sumber kewangan itu diperolehi pada keseluruhannya atau sebahagianya menerusi pinjaman, nyatakan sumber-sumber tersebut dan apakah syarat-syarat yang dikenakan atas pinjaman-pinjaman tersebut;
- (iii) adakah keputusan muktamad telah diambil bagi menentukan bilangan tingkat "tower block" KOMTAR? Sekiranya ada, berapa tingkatkah akan dibina? Jika tidak, berikan sebab-sebab kelewatan tersebut; dan

- (iv) berapakah jumlah wang yang telah dibayar setakat ini sebagai bayaran profesional kepada (a) akitek-akitek; dan (b) kepada orang-orang lain kerana perkhidmatan profesional mereka?
4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu:
- (i) samada benar Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah menghentikan pengeluaran lesen-lesen penjaja sejak bulan April 1980 sementara pihak Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran memecah kawasan bandaraya menjadikannya kepada seksyen bagi penjaja-penjaja? Sekiranya benar, bilakah urusan itu akan selesai dan apakah sebab-sebab terdapat kelambatan dalam menyiapkan urusan tersebut; dan
  - (ii) samada Majlis Perbandaran berniat untuk menghapuskan penjaja-penjaja 'itinerant'?
5. Bolehkan YAB. Ketua Menteri nyatakan:
- (i) berapakah peruntukan yang diminta oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk tujuan penggalakan pelancungan di dalam Negeri; dan
  - (ii) sebab-sebab mengapa tiada apa-apa peruntukan dibuat di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk pelancungan di Pulau Pinang?
6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan ini:
- (i) mengapakah peruntukan Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat kurang sebanyak \$160 juta daripada peruntukan yang diberi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; dan
  - (ii) jumlah peruntukan yang diminta oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat?
7. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar 29.5 peratus isikeluarga di Negeri Pulau Pinang hidup dalam kemiskinan dan peratus berlakunya kemiskinan di Negeri Pulau Pinang adalah lebih tinggi daripada Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka dan apakah strategi yang dirancangkan oleh Kerajaan Negeri untuk menghapus dan mengurangkan berlakunya kemiskinan di dalam Negeri Pulau Pinang?
8. Memandang kepada hakikat bahawa pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, unit-unit rumah kos rendah yang masih dalam pembinaan (backlog) di Pulau Pinang adalah lebih kurang 30,000, bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu apakah rancangan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kekurangan perumahan kos rendah di dalam Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat, terutamanya apabila mengambil kira jumlah wang yang diperuntukkan secara kasar tidak mencukupi bagi perumahan kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat?
9. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini butir-butir lanjut kriteria yang digunakan bagi menentukan siapakah yang layak mendapat unit-unit rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan Negeri?
10. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa orang ramai tidak senang hati dengan bayaran \$300 hingga \$500 yang dikenakan untuk bayaran memproses ke atas setiap permohonan rumah yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang? Jika ya, sila beritahu sebab-sebab mengapa dikenakan bayaran yang begitu tinggi?
11. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:
- (i) bilangan unit flet di Komplek Rumah Pangsa Padang Tembak yang diambil balik (reposessed) oleh pihak Negeri disebabkan flet-flet berkenaan

an didiami oleh orang-orang yang bukan penghuni asal tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri;

- (ii) jumlah wang yang telah dibayar sebagai sewa yang dirampas oleh pihak Negeri akibat (i) di atas;
- (iii) bilangan orang-orang yang mendiami flet-flet tersebut yang dianggap sebagai penghuni-penghuni haram dan berdasarkan sewaan bulan ke sebulan sejak 1hb. April, 1979 di Komplek Rumah Pangsa Padang Tembak; dan
- (iv) bilangan orang-orang seperti disebutkan dalam (iii) di atas yang mendiami flet-flet yang dinyatakan yang sekarang ini telah layak untuk menandatangani perjanjian-perjanjian sewa-beli untuk flet-flet mereka dan bilangan yang telahpun menandatangani perjanjian-perjanjian seumpama itu?

12. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:

- (i) adakah ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Penghuni-penghuni Rumah Pangsa Padang Tembak (Rifle Range Flats Residents Advisory Committee) dipilih oleh penghuni-penghuni sendiri atau upun dilantik oleh Jawatankuasa Perumahan Negeri atau oleh Pihak Berkuasa Negeri dan sekiranya keanggotaan mereka dalam Jawatankuasa Penasihat itu adalah melalui perlantikan dan bukan pilihan oleh penghuni-penghuni sendiri, nyatakan apakah sebabnya penghuni-penghuni berkenaan tidak dibenarkan membuat pilihan mereka untuk menduduki Jawatankuasa Penasihat tersebut; dan
- (ii) berapa lamakah tempoh perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat tersebut selepas tamatnya tempoh jawatankuasa yang ujud sekarang? Adakah jawatankuasa selepasnya itu akan dipilih oleh penghuni-penghuni sendiri sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi atau pilihan ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat akan dibuat dengan cara perlantikan?

13. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu:

- (i) sebab-sebab terdapat kelewatan dalam kerja memulakan kompleks baru penjaja-penjaja di Rumah Pangsa Padang Tembak;
- (ii) bilangan orang-orang yang memohon untuk mendapatkan gerai dalam kompleks penjaja-penjaja tersebut;
- (iii) kriteria yang digunakan untuk memilih pemohon-pemohon yang layak untuk menggunakan gerai-gerai tersebut; dan
- (iv) adakah penjaja-penjaja yang berjaya di kawasan Komplek Padang Tembak akan diberi keutamaan untuk menjalankan perniagaan mereka di tapak-tapak yang lebih baik di kompleks penjaja-penjaja tersebut?

14. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu

- (i) biakah taman rekreasi seluas tujuh ekar yang dicadangkan untuk memberi kemudahan-kemudahan untuk "hiking", "jogging", pertunjukan-pertunjukan pentas dan aktiviti-aktiviti kebudayaan yang lain bagi faedah penghuni-penghuni akan dibuka demi faedah penghuni-penghuni Kompleks Padang Tembak; dan
- (ii) kos perbelanjaan yang dianggarkan bagi projek taman rekreasi tersebut dan dari manakah sumber kewangan untuk cadangan projek tersebut diperolehi?

15. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk membantu pekerja-pekerja di sektor perindustrian di

Pulau Pinang terutama sekali mereka-mereka yang bekerja dalam perusahaan elektronik supaya dilatih dalam kemahiran atau pekerjaan lain bagi membolehkan pekerja-pekerja berkenaan menjadi lebih "mobile" sekiranya berlaku sebarang kemelesetan dalam perusahaan tersebut?

[II] Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah Kerajaan Negeri ini akan menimbangkan pemberian Insuran nyawa kepada ahli-ahli RELA Negeri Pulau Pinang?
2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah beliau sedar bahawa dasar yang dimainkan oleh PDC merugikan setiap pemohon yang ingin membeli rumah yang dibangunkan oleh Perbadanan tersebut disebabkan harganya yang begitu tinggi?
3. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa mengenai harga jualan rumah PDC yang begitu tinggi berdasarkan kepada pinjaman oleh PDC dari Bank-Bank Tempatan bagi membangunkan rumah-rumah itu dan secara tidak langsung setiap rakyat yang memperolehi rumah terpaksa membayar 2 faedah. Faedah bank kepada PDC dan kedua faedah kepada PDC sendiri?
4. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa pembekalan lampu-lampu jalan yang baru dipohon oleh rakyat sekarang ini memerlukan pihak MPSP dan MPPP membayar sebanyak \$200.00 bagi setiap tiang yang diluluskan kepada LLN dan ini mungkin akan menggagalkan perkhidmatan MPSP-MPPP kepada rakyat negeri ini? Jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap perkara ini?
5. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa PDC akan membangunkan rumah kos rendah dan mewah sebanyak 12,000 unit dalam Rancangan Malaysia Keempat yang meliputi harga daripada \$40,000.00 hingga \$180,000.00 yang mana tidak keseluruhan rakyat yang berpendapatan rendah akan sanggup membelinya. Jika sedar, apakah langkah yang akan diambil oleh PDC bagi menolong rakyat yang berpendapatan rendah?
6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan berapa ramaikah Belia dan Belianis di negeri ini yang menyertai Pertubuhan-Pertubuhan Belia? Jika Belia-Belia didapati amat kurang penyertaannya di dalam pertubuhan-pertubuhan Belia apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Jabatan Belia negeri ini bagi meningkatkan penyertaan belia dan belianis dalam pertubuhan-pertubuhan Belia?
7. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu berapakah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat bagi menjayakan segala kegiatan-kegiatan Belia dalam Rancangan Malaysia Keempat Bagi negeri Pulau Pinang?
8. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa JPT negeri Pulau Pinang sekarang ini masih kekurangan jurutera-jurutera yang berpengalaman? Jika sedar, apakah langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya?

[III] Y.B. Encik Ooi Ean Kwong bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan kepada Dewan ini bahawa adakah Kerajaan sedar akan kesulitan yang timbul dan juga masalah yang dihadapi dalam penggunaan sistem Conwaste?
  - (i) Bilakah tarikh penghabisan kontrek sistem Conwaste ini?
  - (ii) Adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan kontrek ini selepas tamat tempoh kontreknnya?
  - (iii) Jika tiada, sila sebutkan jenis sistem pengutipan sampah-sarap yang akan digunakan bagi mengantikannya?

2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah Kerajaan sedar kerja yang dijalankan untuk membersihkan jalanraya dan longkang-longkang di sekitar bandaraya kurang memuaskan?
  - (i) Sila sebutkan faktor-faktor yang menyebabkan hal demikian.
  - (ii) Adakah kekurangan kakitangan dan penyeliaan menjadikan faktor utama dalam hal ini?
3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah beliau sedar bahawa sebilangan kakitangan Kerajaan yang memegang jawatan tinggi (senior) selama beberapa tahun sehingga sekarang belum lagi ditetapkan dan ini adalah merupakan satu penindasan? Berdasarkan apakah Kerajaan menaikkan pangkat kakitangannya?
4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah beliau sedar bahawa baharu-baharu ini banyak penjaja telah disaman kerana berjaya di dalam kawasan bandaraya oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang?
  - (i) Adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan kejadian ini dengan mengeluarkan surat-surat amaran atau nasihat kepada si-penjaja sebelum mengambil tindakan mengeluarkan saman?
  - (ii) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen-lesen baru kepada penjaja-penjaja yang memohon?
  - (iii) Penjaja-penjaja telah menjadi sasaran MPPP. baru-baru ini. Adakah Kerajaan bercadang membernarkan mereka bergerak ke tempat-tempat terpilih, khasnya pada waktu malam supaya mereka dapat berjaya bagi menyara hidup? Jika ya, sila nyatakan tempat-tempat tersebut? Jalan-jalan manakah yang sedang dipertimbangkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang?

[IV] Y.B. Encik Chin Nyok Soo bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina rumah-rumah kos rendah di kawasan Paya Terubong di bawah Rancangan Malaysia Keempat?
  - (i) jika ada, berapakah jumlah unit yang akan dibina dan bilakah akan dilaksanakan?
  - (ii) Jika tiada, mengapa?
2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan apakah sebabnya Jawatankuasa Rayuan (Appeals Committee) mengenai pengharaman terhadap "pin-ball machine" yang diketuati oleh Yang Berhormat dari Dato Keramat ditubuhkan?
  - (i) Setakat ini berapa banyakkah rayuan yang telah diterima oleh jawatankuasa tersebut.
  - (ii) Apakah keputusan rayuan-rayuan itu.
  - (iii) Adakah pemilik mesin pin-ball dapat membaharui lesennya? Jika ada, mengapa?

[V] Y.B. Encik Seow Hun Khim bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah beliau sedar bahawa Jalan Dato Hussain Onn di Seberang Jaya tidak ada sebarang perkhidmatan? Jika sedar, bilakah perkhidmatan bas akan diadakan? Adakah beliau sedar bahawa kesemua jalanraya di Seberang Jaya, fasa 2, tidak mempunyai lampu? Jika ya, mengapa?

2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah benar Lembaga Letrik Negara tidak dapat memasang lebih daripada 200 lampu-lampu jalan yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai oleh kerana majlis Perbandaran Seberang Perai berhutang dengan Lembaga Letrik Negara? Jika benar, adakah langkah-langkah berkenaan yang akan diambil supaya lampu-lampu jalan dapat dipasang?
3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan samada 52 (lima puluh dua) unit rumah kos rendah di Kampong Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah, telah diperuntukkan kepada pemohon-pemohon? Jika ya, berapakah bilangan pemohon yang berjaya yang berasal dari kampung itu dan apakah asasnya mereka itu terpilih?
4.
  - (i) Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan bilangan permohonan bagi mendapatkan perumahan kos rendah yang telah diterima daripada penduduk-penduduk Bukit Mertajam, Kampong Macang Bubuk Kampong Juru?
  - (ii) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina rumah-rumah kos rendah di ketiga-tiga kawasan itu? Jika ya, berapakah jumlah yunit yang akan dibina dan bilakah akan dilaksanakan?
5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu jumlah perbelanjaan lawatan rasmi Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah ke Hong Kong dan Jepun baru-baru ini?
  - (i) Apakah pengalaman yang beliau perolehi dari lawatan itu dan bagaimakah pula pengalaman ini digunakan dalam pentadbiran perumahan di Negeri Pulau Pinang?
  - (ii) Adakah beliau akan menyediakan laporan lawatan tersebut?

**[B] Bertulis:**

**[I] Y.B. Encik Liang Thau Sang bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—**

1. Memandangkan keadaan lalu-lintas di persimpangan Jalan Kurai, Taman Chai Leng dan Jalan Baru, Perai begitu sesak, bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memperbaiki keadaan tersebut?
2. Masalah banjir di Taman Chai Leng, Perai kian bertambah serius walaupun perkara itu telah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan tetapi masih juga belum dapat diatasi setakat ini. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dengan berkesannya?
3. Sistem pembuangan najis yang terdapat di Taman Chai Leng didapati sungguh tidak memuaskan. Air kotor selalu melimpah keluar dari "manhole" dan bertakong di tepi jalan. Keadaan ini bertambah buruk terutamanya selepas hujan. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada pihak yang berkenaan akan menjalankan siasatan keseluruhan dan mengambil langkah untuk memperbaikinya?

**[II] Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—**

1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:—
  - (i) Bilakah projek di Tasek Kachang Puri akan dimulakan perlaksanaannya?
  - (ii) Berapakah peruntukan yang diperlukan untuk menjayakan projek tersebut dan sila berikan butir-butir projek dan peruntukan-peruntukannya?

2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah projek perumahan kos rendah akan mula didirikan di Kampong Besar dan di Kampong Selamat, Tasek Gelugor dan berapakah harga bagi setiap unit rumah tersebut?
3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa ramaikah orang-orang yang terlibat dalam pengambilan tanah mereka bagi menjayakan projek Sungai Kerek dan berapakah pampasan yang telah dibayar kepada mereka-mereka itu?
4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah Kerajaan Negeri ini akan menimbang untuk menaikkan kadar bayaran bulanan bagi membantu orang-orang miskin yang selama ini mendapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri?
5. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa selama ini Yang Amat Berhormat tidak pernah mengumumkan Portfolio Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini kepada umum pada keseluruhannya? Jika sedar, bolehkah Yang Amat Berhormat mengumumkan Portfolio Ahli-Ahli Exco, tugas-tugas mereka dan bidang kuasa masing-masing untuk pengetahuan rakyat di negeri ini?

[III] **Y.B. Encik Abdullah bin Mohd. Mahmud bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:**—

1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah Kerajaan sedar trajedi yang telah berlaku pada bulan April 1980, di Kampong Bukit Indera Muda di mana enam batang tiang letrik telah tumbang sekali gus dan telah meragut dua nyawa penduduk kampong tersebut? Jika sedar, apakah sebab-sebab bagi trajedi tersebut?
  - (i) Adakah pihak Kerajaan telah memberi wang saguhati atau sebarang ganjaran kepada waris-waris si mati?
  - (ii) Adakah YAB. Ketua Menteri telah mendapat jaminan daripada LLN, bahawa peristiwa sedih yang sedemikian itu tidak akan berlaku lagi di masa akan datang. Jika ya, apakah jaminan yang diberi?
2. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa atas rayuan yang dibuat, 4 orang tukang simen dari Majlis Perbandaran Seberang Perai, telah dinaikkan taraf kepada tukang simen yang diiktiraf sejak tahun 1972, tetapi hingga sekarang ini mereka masih menerima gaji sebagai buruh am sahaja. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil dan sila beritahu sebabnya perkara tersebut terjadi demikian?
3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah benar Jabatan Perumahan Negara hendak melaksanakan Rancangan Perumahan Kos Rendah di Negeri Pulau Pinang tetapi tidak dipersetujui oleh pihak Kerajaan Negeri? Jika ya, apakah sebab-sebabnya? Jika tidak, bilakah rancangan itu hendak dijalankan? Sila huraikan kedudukan yang sebenar?
4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah Kerajaan akan membaiki sebatang jalan di Lima Kongsi, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan walaupun jalan ini dalam keadaan buruk. Adalah difahamkan jalan ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sila beritahu sebab-sebab kelewatan tersebut.
5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah Kerajaan sedar bahawa jalan yang menghubungkan Bukit Langkap hingga ke simpang Permatang Pauh, Bukit Mertajam didapati tinggi rendah dan berlubang-lubang akibat daripada kenderaan lalu lalang yang membawa muatan berat? Jika sedar, apakah tindakan yang diambil untuk memperbaikinya?

6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri menerangkan kepada Dewan ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga, apakah projek-projek yang telah siap, dan yang belum disiapkan bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri Penanti?
7. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu bilakah rancangan paip air ke Kampung Baharu, Padang Menora, Seberang Perai Utara akan dijaaskan dan berapakah kos perbelanjaannya?
8. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah pembinaan jalan melalui Perkampungan Berapit ke Kubang Ulu yang dirancang itu akan dilaksanakan dan berapakah kos perbelanjaannya?
9. Pengambilan tanah bagi rancangan kolam air di Mengkuang Tandop, Berait telah selesai dijalankan. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah rancangan itu akan dijalankan dan berapa banyakkah kos perbelanjaan yang terlibat dalam rancangan tersebut? Berapa luaskah tanah yang terlibat bagi rancangan tersebut?
10. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini di manakah bangunan baru Pejabat Daerah, Seberang Perai Tengah akan dibina? Berapakah kos perbelanjaannya, dan bilakah pembinaan tersebut akan dimulakan?
11. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa pencemaran yang berlaku dari lori-lori yang membawa tanah merah yang berulangalik dari Jalan Lunas ke Butterworth mengancam kebersihan Sekolah Ugama Rakyat Darulaman, Penanti dan Mesjid Kubang Ulu serta penduduk-penduduk di sekitarnya? Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi pencemaran tersebut?
12. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu Dewan ini bilakah peruntukan bagi pembinaan Sekolah Ugama Jarak Atas akan diluluskan dan bila ianya akan dibina?
13. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah Kerajaan merancang untuk membina sebatang jalan dari Kampong Mengkuang melalui Kampong Baru Jarak menyeberangi Sungai Jarak dan Kampong Nyior Sebatang terus ke Butterworth? Jika ya, bila? Dalam Rancangan Malaysia yang ke berapakah rancangan ini akan dimulakan dan berapakah kos perbelanjaannya?
14. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan mini Zoo yang baru bagi menggantikan mini Zoo yang terdapat di Kebun Bunga sekarang ini yang kini tidak terjaga dengan baik? Jika ada, bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan di mana dan di bawah rancangan apakah cadangan tersebut?
15. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah rancangan-rancangan pemulihian yang dibuat ke atas tanah terbiar yang lebih daripada 6,000 ekar di daerah Seberang Perai Tengah pada masa ini? Di manakah rancangan ini dimulakan dan apakah hasilnya dan setakat manakah kejayaannya?
16. Adakah YAB. Ketua Menteri masih ingat bahawa dalam rangka lawatan YAB. Ketua Menteri ke Bukit Mertajam dalam tahun 1977 YAB. Ketua Menteri bercadang supaya tanah-tanah di Paya Acong dijadikan Kolam Ikan Air Tawar? Bilakah rancangan ini akan dimulakan?
17. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyakkah pendapatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam Tahun 1980?
  - (i) Berapakah peratuskah daripada diuntukkan bagi membayar gaji kakitangan?
  - (ii) Berapakah peratuskah pula bagi bayaran elau-elauan Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai?

- (iii) Berapa peratuskah yang dibelanjakan balik untuk kebajikan pembayar-pembayar cukai di seluruh Seberang Perai? Nyatakan perkara-perkara yang dibelanjakan.
18. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah lesen rumah urut yang telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai? Nyatakan kepada siapakah lesen-lesen telah diberikan dan di mana rumah-rumah urut tersebut dijalankan.
19. Boleh YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah lesen kelab malam yang telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai? Nyatakan kepada siapakah lesen-lesen telah diberi dan di mana kelab-kelab malam dijalankan.
20. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan samada Kerajaan sedar rayuan daripada penduduk jalan setu Taman Sentosa, Bukit Mertajam berhubung dengan Parit Simen yang dibina 15 tahun yang lalu yang terlalu dalam dan air bertakung dan berbau busuk dan anak-anak nyamuk membiak di dalamnya? Jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil?

[IV] **Y.B. Dr. Sak Cheng Lum bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—**

1. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menuahkan "high technology industries" di Negeri Pulau Pinang? Jika ada, bolehkah beliau memberitahu Dewan apakah jenis industri-industri yang dicadangkan itu dan kesan-kesan yang akan timbul akibat dari industri-industri tersebut dalam konteks perkembangan ekonomi (economic growth) Pulau Pinang?
2. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menyediakan pelan-pelan struktur (structural plans) untuk menjadi panduan kepada perkembangan ekonomi di masa hadapan bagi bandar-bandar besar di Pulau Pinang khususnya bandar Butterworth? Sila berikan penjelasan tentang pelan-pelan yang akan disediakan.
3. Kajian kemungkinan dan rekabentuk kejuruteraan (feasibility studies and engineering designs) bagi pelan induk pembetungan kawasan Butterworth difahamkan telahpun siap. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu sejauh manakah rancangan pembetungan tersebut dilaksanakan sehingga hari ini?
4. Adakah kajian "National Rural Water Supply Study" dibuat di Pulau Pinang? Jika ada, di manakah kajian tersebut diadakan? Dalam cara apakah penduduk-penduduk tempatan mendapat faedahnya?
5. Dalam Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$27 juta akan diperuntukkan bagi projek pembetungan di Negeri Pulau Pinang.
  - (i) Di manakah projek-projek tersebut akan diadakan?
  - (ii) Bilakah projek-projek tersebut akan dilaksanakan dan dijangka siap?
6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah yang diambl oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan bahawa unit-unit perumahan kos rendah adalah cukup untuk rakyat Pulau Pinang? Apakah peranan yang dimainkan oleh Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan sektor swasta terhadap masalah perumahan ini?
7. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan melancarkan rancangan-rancangan perumahan yang berasaskan konsep kondominium? Di manakah rumah-rumah kondominium ini akan dibina dan jumlah unit-unitnya?

8. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah projek-projek perumahan kos rendah Kerajaan Negeri yang telah diperkenalkan (identified) di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi kawasan Butterworth? Di manakah rancangan-rancangan ini akan ditempatkan? Butirkan jenis-jenis rumah yang akan dibina, harga, bilangan unit dan bilakah rancangan-rancangan ini akan dimulakan dan dijangkakan siap?
9. Baru-baru ini Kerajaan Negeri (melalui Y.B. Pengurus Jawatankuasa Perumahan Negeri) telah mengumumkan peruntukan penyelenggaraan (maintenance allocation) sebanyak \$10,000/- bagi tiaptiap blok rumah pangsa. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu Dewan ini bilakah peruntukan ini akan diberi dan bilakah kerja-kerja penyelenggaraan rumah-rumah pangsa itu akan dijalankan, khususnya rumah pangsa di Mak Mandin?
10. Pembinaan pembetung-pembetung baru di Jalan Siram dan Jalan Ptg. Pauh, Butterworth sedang dijalankan. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah pihak Kerajaan sedar kerja-kerja membina dan meluaskan pembetung-pembetung tersebut dijalankan dalam keadaan yang tidak memuaskan yang mana:
  - (i) kerja-kerja telah dimulakan dalam bulan Oktober 1980 tetapi hingga ke hari ini pembinaannya hanya mampu menyiapkan separuh sahaja; dan
  - (ii) masalah kesesakan lalulintas selalu mengakibatkan kejadian kemalangan?
- Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebab-sebab kelambatan dalam menyiapkan kerja-kerja tersebut? Apakah langkah-langkah telah diambil atau akan diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mempastikan bahawa kerja-kerja ini dijalankan lebih memuaskan dan siap seperti dijadualkan?
11. Memandangkan kepada pertumbuhan penduduk (population growth) dan pertumbuhan ekonomi (economic growth) di Seberang Perai, bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah sebuah Taman Belia (Youth Park) atau sebuah "Fitness Park" dan "recreational" awam akan diadakan di Seberang Perai? Jika ada, di manakah tempat-tempatnya dan bilakah projek tersebut akan disiapkan?

[V] **Y.B. Dr. Tan Chong Teik bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—**

1. (i) Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu bolehkah Kerajaan Negeri memberi tempat gantian (alternative site) untuk tujuan Perniagaan dan Kediaman bagi penghuni-penghuni dari 12 buah rumah kedai yang terlibat oleh rancangan jalan baru di Pekan Sungai Nibong? Rumah-rumah yang terlibat ialah Nombor-nombor 291, 280, 296, 248, 226, 254, 252, 229, 245, 246, 253 dan 62.  
(ii) Bilakah pihak Kerajaan akan memberi tempat gantian untuk mereka?
2. Empat buah rumah telah terlibat dalam projek Island Traffic Dispersal di Jalan Tengah, Sungai Ara. Rumah-rumah tersebut ialah Nombor-nombor 52, 53, 54 dan 56. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah pihak Kerajaan akan menempatkan semula mereka di satu tapak gantian? Jika ya, di mana dan bila?
3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat berapa yunitkah rumah kediaman dan rumah kedai akan dibina di Kawasan Pilihanraya Sungai Nibong?
4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan berapakah jumlah rumah dan tempat perniagaan yang akan terlibat dalam projek "Island Traffic Dispersal System" yang dilaksanakan di dalam Kawasan Pilihanraya Sungai Nibong? Di mana dan bilakah mereka ini akan ditempatkan semula?

[VI] Y.B. Encik Peter Paul Dason bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah beliau sedar bahawa Padang Permainan Kanak-kanak di Reservoir Garden penuh dengan lalang dan semak samun dan ini adalah disebabkan oleh penyelenggaraan yang kurang sempurna? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memperbaiki keadaan tersebut?
2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan menambah perkhidmatan bas di kawasan Air Itam/ Padang Tembak oleh kerana ramai penumpang-penumpang bas mengadu kurangnya perkhidmatan bas-bas yang berulangalik melalui jalan-jalan tersebut?
3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah pihak Kerajaan Negeri akan meminta Jabatan Kilang & Jentera melakukan pemeriksaan rapi ke atas keadaan lif, di Kompleks Padang Tembak untuk melihat samada lif-lif tersebut patut diganti oleh kerana lif-lif di situ kerap kali tidak dapat digunakan atau rosak?
4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu bilakah pihak berkenaan akan mencegat bahagian luar rumah pangsa di Kompleks Padang Tembak memandangkan blok-blok tersebut kelihatan kotor dan tidak pernah dicat sejak ianya dibina?
5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah beliau sedar keadaan Jalan Hye Keat yang buruk dan berlubang-lubang dan menyebabkan ketidaksesuaian kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut? Jika ya, apakah rancangan-rancangan pihak berkuasa untuk memperbaiki keadaan di situ?
6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah sebuah pasar baru akan dibina di Tanjung Bungah untuk menggantikan pasar terbuka sekarang? Jika ada, bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan? Bilakah pembinaan dijangkakan siap dan digunakan? Berapakah anggaran kos perbelanjaan projek tersebut dan dari manakah punca kewangan diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, nyatakan samada dengan secara pemberian atau pinjaman dan syarat-syarat lain yang dikenakan oleh pihak Persekutuan?
7. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah beliau sedar perlunya sebuah pasar baru dibina di Tanjung Tokong/Fettes Park untuk menggantikan yang terdapat sekarang disebabkan bertambahnya penduduk-penduduk di kawasan tersebut dalam masa dua puluh tahun kebelakangan ini? Jika ada, sila beri butir-butir lengkap rancangan tersebut? Jika tidak, sila beri sebab-sebab.
8. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah projek pembinaan jalanraya yang menghubungkan Paya Terubong dan Balik Pulau telah siap? Jika ya, sila nyatakan sebab-sebab jalanraya tersebut masih belum dibuka untuk kegunaan orang ramai sehingga kini?
9. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah beliau sedar bahawa jalan-jalan yang berada di kawasan perumahan Happy Valley adalah dalam keadaan buruk? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak berkenaan untuk memperbaiki keadaan tersebut?
10. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu mengapakan sebahagian Jalan Balik Pulau di Air Itam yang telah digali oleh pihak LLN, dibiarkan tanpa diratakan dan ditar semula sejak begitu lama oleh pihak berkenaan dan samada beliau sedar keadaan demikian telah mengakibatkan berlakunya beberapa kemalangan kepada pengguna-pengguna jalanraya?
11. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah beliau sedar bahawa kerja-kerja yang dijalankan oleh JKR di Jalan Permatang Pauh telah mengakibatkan sebuah lubang besar di Jalan Permatang Pauh dan masih berkeadaan demikian dan tidak tertimbus berbulan-bulan hingga ke hari ini dan telah membahayakan keselamatan kepada pengguna-pengguna jalanraya?

12. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini memandangkan semakan kepada peruntukan perumahan Kerajaan Negeri baru-baru ini, sila berikan butir-butir jumlah yunit-yunit rumah murah dan rumah pangsa, yang bernilai kurang daripada \$40,000/- seyunit yang dirancang akan dibina oleh Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Keempat di tempat-tempat berikut:
- (i) di Pulau Pinang, jumlah yunit dan jenis rumah murah yang akan dibina, di kawasan mana ia akan dibina, tarikh dijangka pembinaan dimulakan dan tarikh dijangkakan siap;
  - (ii) di Pulau Pinang, jumlah yunit dan jenis rumah pangsa yang akan dibina, di kawasan mana ia akan dibina, tarikh dijangka pembinaan dimulakan dan tarikh dijangkakan akan siap;
  - (iii) di Seberang Perai jumlah yunit dan jenis rumah murah yang akan dibina, di kawasan mana ia akan dibina, tarikh dijangka pembinaan dimulakan dan tarikh dijangkakan siap; dan
  - (iv) di Seberang Perai jumlah yunit dan jenis rumah pangsa yang akan dibina, di kawasan mana ia akan dibina, tarikh dijangka pembinaan dimulakan dan tarikh dijangkakan siap?
13. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu berapakah jumlah yunit rumah-rumah murah dan rumah-rumah pangsa yang bernilai kurang daripada \$40,000/- yang dibina oleh Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di Pulau Pinang dan Seberang Perai dan nyatakan dengan tepat bilangan yunit yang telah siap dibina dan yang masih dalam pembinaan?
14. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu berapakah jumlah yunit rumah-rumah murah dan rumah-rumah pangsa yang berharga kurang daripada \$40,000/- seyunit yang dicadang akan dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat di Pulau Pinang dan Seberang Perai? Sila nyatakan di manakah akan dibina, tarikh dijangka pembinaan akan dimulakan dan tarikh dijangkakan siap?
15. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah yunit rumah-rumah murah dan rumah-rumah pangsa, iaitu yang bernilai tidak melebihi \$40,000/- seyunit yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di Pulau Pinang dan Seberang Perai? Sila nyatakan dengan tepat jumlah yunit-yunit yang telah siap dibina dan masih dalam pembinaan, jika ada.
16. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu berapakah jumlah yunit rumah-rumah dan rumah-rumah pangsa, yang bernilai tidak melebihi \$40,000/- seyunit akan dibina oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam masa 2 tahun akan datang? Nyatakan di mana akan dibina, tarikh dijangka pembinaan dimulakan dan tarikh dijangkakan siap?
17. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu berapakah jumlah yunit rumah-rumah murah dan rumah-rumah pangsa, yang bernilai tidak melebihi \$40,000/- seyunit yang dibina oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai sejak dari tahun 1969? Nyatakan dengan tepat jumlah yunit yang telah siap dan yang masih dalam pembinaan, jika ada?
18. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu berapakah jumlah orang-orang yang telah mendaftarkan diri untuk mendapat rumah-rumah murah dan rumah-rumah pangsa, iaitu yang bernilai kurang daripada \$40,000/- seyunit di Pulau Pinang dan Seberang Perai?

[VII] Y.B. Encik Chin Nyok Soo bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan berapakah jumlah wang yang

diperuntukkan untuk pembinaan jalanraya, jambatan-jambatan, lampu-lampu jalan, telefon-telefon awam dan kemudahan-kemudahan perubatan di kawasan Parlimen Bukit Bendera dan kawasan Paya Terubong di bawah Rancangan Malaysia Keempat?

5. **Rang Undang-Undang:**

Enakmen Peruntukan Di Raja (Pindaan) Pulau Pinang (No. 2), 1981.

SECOND MEETING OF THE THIRD SESSION OF THE FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG, TO BE HELD ON MONDAY, 7TH SEPTEMBER, 1981, AT 9.30 A.M. IN THE LEGISLATIVE ASSEMBLY CHAMBERS, LIGHT STREET, PENANG.

ORDER OF THE DAY

1. Prayer
2. Announcements by the Hon'ble Speaker.
3. Presentation of Papers.

No. 12 of 1981 - Report of the Public Accounts Committee on the accounts of the State of Penang for the year 1975 and the Report of the Auditor-General thereon.

No. 13 of 1981 - Financial Statement of the State of Penang for the year ended 31st December, 1978.

No. 14 of 1981 - Report of the Auditor-General Malaysia on the accounts of the State of Penang for the year ended 31st December, 1978.

No. 15 of 1981 - Statement of Accounts of the Penang Development Corporation for the year ending 31st December, 1977.

No. 16 of 1981 - Statement of Accounts of the Penang Development Corporation for the year ending 31st December, 1978.

No. 17 of 1981 - Statement of Accounts of the Penang Development Corporation for the year ending 31st December, 1979.

- (i) the purpose of the recent trip of the Seberang Perai Municipal Councillors to Hong Kong and Manila, and
  - (ii) whether or not any money was paid or advanced to the Councillors from the Seberang Perai Municipal Council funds for the trip and if so, how much was paid or advanced?
3. Can the Hon'ble Chief Minister state:
    - (i) the total amount of money spent to date on the construction of the KOMTAR project and the sources of finance;
    - (ii) if the sources of finance utilised are wholly or partly obtained by way of loans, state the sources and on what terms the loans were obtained;
    - (iii) whether or not any final decision has been taken as to what will be the number of storeys the main tower block of the KOMTAR will have; and if a decision has been made how many storeys will be built? If no decision has been taken, the reasons for the delay; and
    - (iv) how much has been paid to date by way of professional fees and charges to the (a) architects and (b) others for their professional services and charges?

**4. Can the Hon'ble Chief Minister state:—**

- (i) if it is true that the Penang Municipal Council has stopped issuing hawkers' licences since April 1980 pending the Council's Health Department dividing the City into sections for hawkers; if so, when this exercise to divide the City into sections for hawkers will be completed and what are the reasons for the inordinate delay in completing the exercise; and
- (ii) whether it is the intention of the Council to do away with itinerant hawkers?

**5. Can the Hon'ble Chief Minister state:—**

- (i) how much allocation the Penang State Government asked for under the Fourth Malaysia Plan for the promotion of tourism in the State; and
- (ii) the reasons for no allocation being made under the Fourth Malaysia Plan for tourism in Penang?

**6. Can the Hon'ble Chief Minister state:—**

- (i) the reasons for the allocation for the State of Penang under the Fourth Malaysia Plan being \$160 million lesser than the allocation under the Third Malaysia Plan; and
- (ii) the total allocation requested by the Penang State Government under the Fourth Malaysia Plan?

**7. Can the Hon'ble Chief Minister state whether he is aware that 29.5 percent of the households in the State of Penang live in poverty and that the percentage of incident of poverty in the State of Penang is higher than that of the Federal Territory, Selangor, Negeri Sembilan, Johore and Malacca and by what strategy the State Government plans to reduce and eradicate the incidence of poverty in the State of Penang?**

**8. Can the Hon'ble Chief Minister state in view of the fact that at the end of the Third Malaysia Plan period the backlog for low-cost housing units in the State of Penang was about 30,000, what plans the State Government has taken to solve the problem of low-cost housing shortage in the state during the Fourth Malaysia Plan period, especially taking into consideration the grossly inadequate sum allocated for low-cost housing under the Fourth Malaysia Plan?**

**9. Can the Hon'ble Chief Minister state the details of the criteria used in deciding the rank of eligibility for low-cost houses built by the State Government?**

**10. Can the Hon'ble Chief Minister state whether he is aware that members of the public are unhappy with the processing charges of \$300/- to \$500/- imposed for every application for houses built by the Penang Development Corporation? If so, give the reasons these exorbitant charges are being imposed.**

**11. Can the Hon'ble Chief Minister state:—**

- (i) the number of flat units at the Rifle Range Flats Complex that were repossessed by the State for being occupied by persons other than the original tenants without the permission of the State Authority;
- (ii) the total amount of money paid by way of rentals that has been forfeited by the State Authority in consequence of the (i) above;
- (iii) the number of occupiers who has been treated as illegal tenants and placed on the month-to-month tenancy basis since 1st April 1979 at the Rifle Range Flats Complex; and

(iv) the number of such occupiers as mentioned in (iii) above who have since qualified to enter into hire-purchase agreements for their flats and the number that have in fact signed such agreements?

12. Can the Hon'ble Chief Minister state:—

(i) whether members of the Rifle Range Flats Residents Advisory Committee are elected by the residents themselves or appointed by the State Housing Committee or the State Authority and if their membership to the Advisory Committee is by appointment and not by election by the residents themselves; why the residents were not allowed to elect persons of their choice to sit in the said Advisory Committee, and

(ii) the period of tenure of the said members in the Advisory Committee and whether on the expiry of the term of the present committee the next committee will be elected by the residents themselves in keeping with democratic principles or whether the selection of members of the Advisory Committee will be by appointment?

13. Can the Hon'ble Chief Minister state:—

(i) the reasons for the delay in bringing into operation the new hawker's complex at the Rifle Range Flats;

(ii) how many persons have applied for stalls in the said hawkers' complex;

(iii) the criteria used in selecting which applicants would be eligible for operating the stalls; and

(iv) whether the hawkers who are already trading at the Rifle Range Complex areas would be given priority to trade at the better sites at the said hawkers' complex?

14. Can the Hon'ble Chief Minister state:—

